No. Rujukan : KUIPs/PEND./MEMO/100.25/2016 (7)
Tarikh : 03 Jun 2016

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS
جامعة پرليس الإسلامية

## PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 5 TAHUN 2016

# PEMAKLUMAN PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA DALAM BULAN RAMADHAN 1437H BAGI KAKITANGAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS (KUIPs)

Jabatan Pendaftar

**03 Jun 2016**

Disalinkan kepada :

Rektor

Bendahari

Pemangku Pustakawan

Pegawai-Pegawai Kanan

YDP Majlis Perwakilan Pelajar

No. Rujukan : KUIPs/PEND./MEMO/100.25/2016 (7)
Tarikh : 03 Jun 2016

**PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 6 TAHUN 2016**

**PEMAKLUMAN PELAKSANAAN WAKTU BEKERJA DALAM BULAN RAMADHAN 1437H BAGI KAKITANGAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS (KUIPs)**

## 1.0 TUJUAN

1.1 Pekeliling ini adalah sebagai pemakluman terhadap resolusi secara edaran Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan KUIPs Bil. 5/2016 yang telah dipengerusikan oleh YBhg. Rektor telah bersetuju mengenai Pelaksanaan Pindaan Waktu Bekerja dalam bulan Ramadhan **1437 Hijrah** di Kolej Universiti Islam Perlis tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1.1.1 Pindaan untuk waktu bekerja ini adalah hanya untuk **bulan Ramdhan 1437 Hijrah**;

1.1.2 Waktu bekerja yang dipinda ini akan **berkuatkuasa mulai Pekeliling ini dikeluarkan dan akan tamat pada hari terakhir bulan Ramadhan 1437 Hijrah;**

1.1.3 Mana-mana kakitangan **boleh diminta oleh Ketua Jabatan/Bahagian/Seksyen** masing-masing untuk **bertugas selepas waktu bekerja yang dipinda ini demi kepentingan perkhidmatan Kolej Universiti;**

1.1.4 Waktu bekerja yang dipinda ini hendaklah tidak menjejas jumlah waktu bekerja yang telah ditetapkan oleh KUIPs untuk tempoh seminggu.

...2/

## 2.0 PELAKSANAAN

2.1 Dengan terlaksananya memorandum ini, maka Waktu Bekerja Pejabat bagi kakitangan Kolej Universiti Islam Perlis adalah seperti Jadual 1 berikut :

**Jadual 1: Waktu Bekerja Pada Bulan Ramadhan Bagi Kakitangan di KUIPs Bagi Tahun 2016 / 1437H**

| Hari | Waktu Bekerja (Mula) | Rehat | Waktu Bekerja (Tamat) |
|---|---|---|---|
| Isnin hingga Khamis | 8.30 pg- 1.30 ptg | 1.30 ptg - 2.00 ptg | 2.00 ptg - 4.30 ptg |
| Jumaat | 8.30 pg - 12.30 tgh | 12.30 tgh – 2.30 ptg | 2.30 ptg - 4.30 ptg |

2.2 Pelaksanaan Pindaan Waktu Bekerja dalam bulan Ramadhan 1437H ini **hanya terpakai kepada pegawai yang bekerja mengikut Waktu Bekerja Pejabat**. Bagi pegawai yang bekerja mengikut syif, Ketua Jabatan akan menimbangkan kemudahan seumpama ini dengan membuat penyesuaian waktu bekerja selaras dengan keperluan perkhidmatan masing-masing.

2.3 Semua Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan-ketua jabatan adalah dipohon untuk menyampaikan kandungan ini kepada semua kakitangan di Jabatan/Bahagian/Sekyen dan juga Kolej Kediaman Pelajar.

## 3.0 TARIKH KUATKUASA

3.1 Pekeliling Pentadbiran Bil. 5 Tahun 2016 ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ibadah puasa bermula sehingga tamat.

**"SELAMAT MENJALANI IBADAH PUASA 1437H"**

...3/

Sekian, terima kasih.

**"SYUMUL, TAQWA DAN DINAMIK"**
***"Graduan Berminda Keusahawanan"***

Yang Ikhlas,

**(ROHANA BINTI ZAINOL)**
Penolong Pendaftar Kanan
b.p Pendaftar
Kolej Universiti Islam Perlis

s.k:

1) YBhg. Rektor

2) Bendahari

3) Pemangku Ketua Pustawakan

4) Ketua-ketua Jabatan/Bahagian/Seksyen